



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives



## SIARAN MEDIA

### **MEDAC MEMPERGIAT AKTIVITI KEUSAHAWANAN DI MELAKA MENERUSI PEMBANGUNAN HAB KEUSAHAWANAN MORTEN WALK DI KAMPUNG MORTEN**

*100 usahawan bakal menerima manfaat menerusi hab keusahawanan yang  
bakal dibangunkan oleh UDA Holdings Berhad*

---

**MELAKA, 20 Mac 2021** - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) mempertanggungjawabkan agensinya UDA Holdings Berhad (UDA) untuk membangunkan pusat keusahawanan dalam usaha memperkukuhkan sosioekonomi rakyat. Menerusi pembangunan tersebut, MEDAC berharap aktiviti keusahawanan akan lebih aktif dan rancak di Melaka dengan siapnya pembangunan Hab Keusahawanan Morten Walk di Kampung Morten.

Pembangunan Hab Keusahawanan Morten Walk yang bernilai RM8 juta di atas tanah berkeluasan 4.13 ekar ini berdekatan Sungai Melaka dan berkonsepkan 'modern & trendy' bakal menyediakan 100 ruang sewaan untuk para usahawan. Ianya meliputi lot berbentuk kabin dan lot promosi untuk perniagaan makanan, minuman, fesyen, aksesori, kedai pelbagai, kedai IT dan sebagainya.

Pembangunan ini turut dilengkapi 1 unit dewan serbaguna yang boleh memuatkan sekitar 500 orang dan 11 kemudahan tambahan seperti ruang seni dan kebudayaan, pusat riadah kanak-kanak dan sebagainya. Tambahan pula, ia terletak di tengah-tengah bandar Melaka yang berdekatan dengan tarikan utama seperti Perkampungan Tradisional Kampung Morten, Jambatan Kampung Morten, Melaka River Cruise dan Menara Taming Sari.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar di Majlis Pecah Tanah Hab Keusahawanan Morten Walk

di Kampung Morten berkata, “Pembangunan Hab Keusahawanan Morten Walk diharap dapat mewujudkan rangkaian bekalan (ekosistem) keusahawanan di kawasan tersebut dan secara tidak langsung menggalakkan usahawan setempat untuk memperkembangkan perniagaan agar terus maju. Saya ingin melihat usahawan tempatan khususnya usahawan Bumiputera merebut peluang ini dan berniaga di tempat yang lebih menarik dan kondusif dalam usaha meningkatkan taraf perniagaan masing-masing”.

Tambah Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar lagi, “Hab Keusahawanan Morten Walk juga bakal menjadi platform mengukuhkan pasaran produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan dan membantu usahawan-usahawan PKS berpotensi di bawah agensi MEDAC seperti TEKUN, INSKEN, SKM, PNS dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPENM), jabatan kerajaan negeri. Pihak kementerian berbangga dengan kolaborasi antara agensi-agensi di bawah MEDAC bersama kerajaan negeri dalam mencapai satu matlamat yang sama iaitu melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya dan berdaya saing di Melaka”.

Datuk Seri Jalaluddin Alias, Pengerusi UDA pula berkata, “Sebagai agensi di bawah MEDAC, UDA bukan saja sebuah entiti korporat yang menjalankan perniagaan dan menjana keuntungan semata-mata. UDA turut menyokong hasrat kerajaan dalam pemilikan hartanah, penyediaan ruang niaga serta permerkasaan usahawan”.

“Pembangunan berkonsepkan ‘modern & trendy’ ini juga dijangka beroperasi pada Oktober tahun ini dan bakal menawarkan bantuan kepada usahawan yang layak seperti kadar sewaan di bawah harga pasaran, insentif berupa kos pengurusan atau rebat sewaan dan manfaat fasiliti. Semoga ia dapat menjadi pemangkin dalam melahirkan lebih ramai usahawan di seluruh Malaysia selari dengan prinsip perniagaan UDA iaitu memperkasa gaya hidup lestari,” katanya.

Baru-baru ini, UDA turut melancarkan projek pembangunan Koperasi Kakitangan Kerajaan Daerah Jelebu Berhad di Kuala Klawang dengan membina UDA Niaga iaitu 4 lot rumah kedai 2 tingkat. Di Kelantan pula, UDA bekerjasama dengan TEKUN Nasional, bagi menguruskan Platinum Mall iaitu sebuah pusat beli-belah yang menjadi pusat ekosistem keusahawanan.

Pada majlis yang sama, Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar turut berkesempatan menyampaikan 'mock cheque' kepada lima (5) usahawan Bank Rakyat di Melaka yang baru diluluskan pembiayaan berjumlah RM1.312 juta iaitu G-Force Security Service Sdn Bhd, R And H Resources, Adanshi Enterprise, Top Liner Enterprise dan Rahayu Binti Mohd Yunus. Untuk rekod, Bank Rakyat telah membantu 302 usahawan PKS dan Mikro di negeri Melaka berjumlah RM11.95 juta. Bank Rakyat juga telah meluluskan bantuan kepada 118 usahawan PKS dan Mikro yang terjejas dengan pandemik Covid-19 di negeri Melaka berjumlah RM9.48 juta bagi membolehkan mereka mengekalkan kelangsungan perniagaan.

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**